

K-tangan UKM diminta jangan bimbang mengenai penubuhan universiti baru

MENGGATAL, Rabu – Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal pelajar Akademik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Anuwar Ali me-

minta kakitangan UKM Kampus Sabah supaya bertenang dan jangan risau tentang masa depan mereka apabila kampus itu ditutup dengan tertubuhnya Universiti Sabah kelak.

"UKM sentiasa menjaga kepentingan mereka yang telah berkhidmat dengan UKM sejak bertahun lamanya," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan kakitangan UKM Kampus Sabah, sempena lawatan dua hari beliau ke kampus itu, kelmarin.

Mengenai Universiti Sabah, Anuwar berkata, UKM tidak dapat memberi gambaran atau penerangan yang jelas kepada kakitangannya, kerana Kementerian

Pendidikan belum membuat keputusan mengenai lokasi universiti baru itu.

Dalam hal ini, UKM melalui Kementerian Pendidikan cuba membawa perkara tersebut kepada kerajaan yang ada sekarang supaya mengambil keputusan yang sewajarnya agar perkhidmatan kakitangan UKMS tidak akan terjejas, katanya.

Beliau berkata, Fakulti Sains Pembangunan dan Fakulti Sains dan Sumber Alam perlu membuat satu aturcara perpindahan untuk menentukan bilakah akan memulakan perpindahan ke kampus induk di Bangi.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH